

Masjid UKM teruskan program iftar yang dimulakan sejak tahun 1990

Tradisi berbuka dalam talam



Oleh MUSTAPA LAKAWA

KAJANG – Masjid Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bangi di sini meneruskan tradisi program berbuka puasa kepada kumpulan mahasiswa dan komuniti setempat pada bulan Ramadan ini.

Istimewanya tradisi iftar di Masjid UKM pada setiap Ramadan adalah penyediaan menu berbuka puasa menggunakan talam atau dulang yang disediakan secara percuma kepada jemaah.

Pegawai Hal Ehwal Islam, Pusat Islam UKM, Muhammad Hafiz Othoman (**gambar**



kecil) berkata, satu dulang biasanya boleh menampung antara empat hingga lima orang dengan variasi menu makanan seperti nasi, sayur, lauk, buah dan kurma.

“Program berbuka puasa ini akan diadakan secara percuma selama 25 hari iaitu



MAHASISWA dan komuniti setempat di Bangi berbuka puasa beramai-ramai dengan pelbagai juadah di dalam talam di Masjid UKM malam kelmarin.



SETALAM nasi bersama lauk-pauk, sayur dan buah-buahan dikongsi bersama empat hingga lima jemaah.

diakan purata 300 dulang makanan untuk dijamu kepada kira-kira 1,500 jemaah.

“Penyediaan makanan dikendalikan oleh pihak kami sendiri iaitu di ruang memasak dan proses pengagihan dulang makanan pula dibantu sukarelawan yang terdiri daripada kalangan mahasiswa UKM sendiri,” ujarnya.

Katanya selain berbuka, pihak Masjid UKM terus mengadakan program tadarus al-Quran, tahlil, sumbangan amal dan majlis ilmu.

bermula Ramadan pertama sehingga Ramadan ke-25.

“Program ini adalah tradisi yang diamalkan oleh Masjid UKM sejak tahun 1990 lagi bertujuan untuk mewujudkan silaturahim dalam kalangan mahasiswa dan komuniti setempat,” katanya di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, setiap hari pihak penganjur akan menye-